



## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MAMPU DAN UKM

---

**BANGI, 23 Oktober 2017-** Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memeterai sebuah memorandum persefahaman (MoU) di Bangunan Canselor, UKM, Bangi pada hari ini.

MoU yang ditandatangani oleh YBhg. Dato' Dr Mazlan Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU dan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor UKM ini merupakan komitmen tiga (3) tahun) dan antara lainnya adalah bertujuan untuk meningkatkan kerjasama bagi menjayakan agenda Revolusi Industri Keempat seperti data raya, *augmented reality, artificial intelligence, internet of things (IoT), cloud computing* dan lain-lain bidang ICT tertakluk kepada undang-undang dan dasar yang berkuat kuasa di Malaysia.

Menurut YBhg. Dato' Dr Mazlan Yusoff, dengan termeterainya kerjasama ini adalah diharapkan segala kepakaran dan kemudahan prasarana data terbuka dan data raya yang terdapat di UKM dan juga MAMPU dimanfaatkan untuk pembangunan keupayaan dan kompetensi personel ICT penjawat awam dalam bidang analitis data atau sains data dan seterusnya lebih ramai saintis data dalam kalangan akan dilahirkan.

"Sebagai penggerak, pemacu dan peneraju transformasi penyampaian perkhidmatan awam yang membudayakan kecemerlangan modal insan dan pengurusan kepimpinan serta melakar lanskap pendigitalan nasional, MAMPU memainkan peranan penting untuk menyemarak, memperkasa dan melestari transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam berpaksikan rakyat sejajar dengan aspirasi dan agenda negara sebagaimana yang terkandung dalam Bab 9, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) iaitu Mentransformasikan Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti," kata Mazlan dalam ucapan beliau sebelum Majlis Menandatangani MoU ini dilaksanakan.

MoU ini juga bertepatan dengan peranan baharu MAMPU sebagai Ketua Perkhidmatan untuk skim teknologi maklumat di mana pembangunan keupayaan dan kompetensi serta kemajuan kerjaya personel ICT merupakan antara yang perlu diberi keutamaan.

Kerjasama ini berupaya memberi impak yang signifikan kepada usaha MAMPU untuk menyemarakkan lagi pelaksanaan inisiatif data terbuka dan analitis data raya di sektor awam yang bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan berpacukan data.

Majlis ini turut dihadiri oleh Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor UKM; Prof. Dato' Dr. Halimah Hj. Badioze Zaman, Pengarah Institut Informatik Visual UKM; Dr. Suhaizimah Dzazali, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU dan Tuan Hj Mohd Shahabuddin Omar, Timbalan Ketua Pengarah (TPP) MAMPU.

---

Disediakan oleh:

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancang Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Tel : 03-88723138  
Faks : 03-88883566  
Email : pro@mampu.gov.my